

PENGUNAAN KOMPUTER RIBA
DI KALANGAN GURU-GURU MATA PELAJARAN
SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGERIS
DI SEKOLAH RENDAH

ABDUL HAKIM BIN HAJI HASHIM

LAPORAN PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(REKABENTUK INSTRUKSI DAN TEKNOLOGI)

FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM

2008

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

17 November 2008

ABDUL HAKIM BIN HAJI HASHIM
M20031001084

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat membantu saya menyelesaikan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia serta kakitangan Pasca Siswazah di atas segala bimbingan, dorongan, kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan. Jutaan terima kasih tak terhingga kepada pensyarah pembimbing; Prof. Madya Dr. Abdul Latif bin Haji Gapor di atas kesabaran beliau membimbing, memberi galakan dan motivasi untuk saya terus berusaha menjadikan kajian ini satu kenyataan. Terima kasih juga kepada En. Ishak bin Mohd Noor, Guru Besar, Sek. Keb. Seri Utama yang telah memberi kerjasama dan bantuan serta memahami keperluan saya sepanjang bertugas dan sepanjang sesi pengajian ini.

Penghargaan istimewa kepada ibu dan ayah saya, isteri tersayang Rafidah binti Ramli dan puteri-puteri saya; Nur Adira Harissa, Nur Zihan Hanissa, Nur Aiena Hajeerah dan Nur Najmeen Hani di atas doa, kesabaran dan pengorbanan kalian mengharungi perjalanan yang panjang ini.

Saya panjatkan Syukur kepada Allah di atas keizinanNya memungkinan segalanya berlaku mengikut ketentuanNya.

TERIMA KASIH



PENGUNAAN KOMPUTER RIBA DI KALANGAN GURU-GURU MENGAJAR MATA PELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH RENDAH

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan mengetahui tahap kesediaan penggunaan komputer riba dan peralatan-peralatan yang dibekalkan bersamanya di kalangan guru-guru mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris. Ia juga cuba melihat tahap kesediaan guru-guru berhadapan dengan masalah-masalah yang berkaitan penggunaan komputer riba dan program-program yang dibekalkan bersamanya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kajian ini juga menilai persepsi guru-guru terhadap keberkesanan penggunaan komputer riba dalam meningkatkan tahap prestasi pelajar-pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sample kajian ini terdiri daripada 45 orang guru yang terlibat secara langsung dalam dasar tersebut di tujuh buah sekolah dalam Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan borang soal selidik mengandungi 33 item. Item-item dalam soal selidik tersebut merangkumi soalan-soalan mengenai aspek latar belakang responden, minat, pengalaman, kemahiran, kebolehan, sikap, tabiat penggunaan, kesesuaian latihan serta harapan dan pendapat mereka terhadap penggunaan komputer riba dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini sekali gus boleh menjadi kayu ukur kepada pihak pentadbir untuk menentukan program-program yang sesuai dan perlu diatur bagi memperbaiki segala kelemahan dan masalah yang wujud, terutamanya di kalangan guru yang mengendalikan komputer riba atau melakukan penambahbaikan yang menjurus kepada peningkatan tahap pencapaian pelajar dalam akademik melalui penggunaan komputer riba ini. Dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru sentiasa bersedia melaksanakan tanggungjawab mengajar menggunakan komputer riba di sekolah sungguhpun terdapat kebimbangan dalam menghadapi masalah-masalah yang berkaitan kemahiran mengendalikan komputer. Guru-guru juga mempunyai persepsi yang tinggi bahawa penggunaan komputer riba dalam pengajaran Sains dan Matematik mampu mempertingkatkan pencapaian pelajaran murid melalui pengajaran yang berkesan.





THE USE OF LAPTOP AMONG THEACHERS TEACHING SCIENCE AND MATHEMATICS IN ENGLISH IN PRIMARY SCHOOL

ABSTRACT

This research is conducted to find out levels of confident among teachers who have been provided with the laptop computers in the teaching of Science and Mathematics subjects in English with interest, experience, efficiency, skill, training and its effects on the students' perform in the subjects mentioned. The size sample for this study consists of 45 teachers from seven schools in Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan that have been equipped with the laptop computers by the ministry of Education. The instrument used in this research is a set of questionnaire which consist of 36 items. The items are designed to get better understanding about background aspects of respondents, their interest, experience, skill, capability, attitude, habit of use, the training, and their hopes and opinion on the use of laptop computer in teaching. It is hoped that the findings from this research can give a perspective on the level of interest, efficiency skill, training, and knowledge of the teachers towards the use of laptop computers in their teaching activities and how this qualities help too improve students' performance in the subject. It can be used as a yardstick by the school administrators to decide on suitable program's to help overcome any existing weaknesses, especially among teachers who are using laptop computers or to enhance students' academic achievement through the use of laptop. The result revealed that there was a significant relation between variable of experience using the personal computer with the efficiency handling the computer laptop, between the interest of using the computer laptop with efficiency of using the computer laptop and the relation between getting enough and essential training with the increase of students' academic achievement.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 01

1.2 Pernyataan Masalah 06

1.3 Tujuan Kajian 10

1.4 Persoalan Kajian 10

1.5 Hujah dan Andaian 11

1.6 Kerangka konsep Kajian 12

1.7 Definisi Istilah 14

1.8 Kepentingan Kajian 16

1.8 Batas Kajian 17

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 18

2.2 Kajian Berhubung Dengan Aplikasi Komputer 22

2.3 Aplikasi Komputer Riba Masa Kini 26

2.4 Kesimpulan 27

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Reka Bentuk Kajian	28
3.2	Instrumen Kajian	29
3.3	Persampelan	30
3.4	Prosedur Kajian	31
3.5	Analisis Data	32
3.6	Kesimpulan	32

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	33
4.2	Analisis dan Dapatan Kajian	33
4.2.1	Analisis kesediaan guru untuk Menggunakan komputer riba Dalam melaksanakan proses Pengajaran dan pembelajaran	34
4.2.2	Analisis kesediaan guru Menghadapi masalah dalam Menggunakan komputer riba	36
4.2.3	Analisis penggunaan komputer Riba dapat membantu guru Mempertingkatkan pencapaian Pelajaran murid	38
4.3	Kesimpulan	41

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	42
5.2	Kesimpulan Dapatan Kajian	42
5.3	Ringkasan Dapatan	48
5.4	Cadangan	49
5.5	Kesimpulan	50

RUJUKAN	52
----------------	----

LAMPIRAN

Borang Soal Selidik

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.4	Kerangka Konsep Kajian	13
2.1	Model Adaptasi Teknologi	19

**SENARAI JADUAL**

Jadual		Muka Surat
3.1	Kandungan Soal Selidik	31
3.2	Responden Soal Selidik	32
4.1	Kekerapan dan Peratus Kesediaan Guru-Guru Menggunakan Komputer riba Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	36
4.2	Kekerapan dan Peratus Kesediaan Guru-Guru Menghadapi Masalah Dalam Menggunakan Komputer riba Dan Program- Program Yang Terdapat Padanya	38
4.3	Kekerapan Dan Peratus Penggunaan Komputer Riba Dapat Membantu Guru Mempertingkatkan Pencapaian Pelajaran Murid	40





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada akhir abad ke-20 dan permulaan alaf ke-21, globalisasi berlaku di dalam hampir kesemua bidang seperti perindustrian, pelancongan dan pendidikan. Globalisasi ini berlaku dengan begitu pantas melalui penggunaan komputer. Dalam bidang pendidikan, komputer memainkan peranan sangat penting bukan sahaja di negara-negara maju tetapi juga di negara-negara sedang membangun. Beberapa negara memperkembangkan penggunaan komputer dalam pelbagai sektor, begitu juga Malaysia.

Pada akhir 1970an, mikrokomputer sudah menjadi alat yang umum. Pada tahun 1983, Majalah Time atau Times Magazine memilih komputer sebagai 'Machine of the Year'. Di Amerika Syarikat, penyokong-penyokong literasi komputer telah menyatakan bahawa keperluan memperkenalkan komputer dalam pendidikan sangat mendesak dan memastikan pelajar-pelajar yang tamat pengajian sekolah menengah hendaklah celik komputer. Oleh sebab itu komputer telah diberi tumpuan dan perhatian yang begitu mendadak.

Pada awal 1980an, beberapa negara memikirkan tentang projek literasi komputer di sekolah-sekolah menengah. Britain telah menjalankan Program Pendidikan





Mikroelektronik (MEP), Perancis pula memperkenalkan 10,000 rancangan mikrokomputer dan sekolah-sekolah di Amerika Syarikat melaksanakan pelbagai pendekatan berkaitan literasi komputer.

Di Malaysia, sejak pembelian komputer yang pertama oleh Lembaga Letrik Negara (LLN) pada 1965, penggunaan komputer di negara kian meningkat. Tidak lama kemudian institusi-institusi pengajian tinggi mula membeli komputer untuk tugas-tugas pentadbiran, pengurusan dan penyelidikan. Dengan lahirnya mikrokomputer pada lewat 1970an, penggunaan komputer untuk pelbagai aspek pendidikan termasuk pembelajaran mula diberi perhatian.



Kemunculan mikrokomputer telah menimbulkan desakan beberapa pihak untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah mengenai komputer. Ibu bapa mengesa pihak tertentu mengambil langkah positif untuk anak-anak mereka di sekolah. Sehubungan itu juga, pada Oktober 1983, Perdana Menteri Malaysia YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad menyeru agar pelajar-pelajar sekolah di negara ini didedahkan dengan perkembangan komputer. Beliau mengesa agar sekolah melaksanakan kelab-kelab komputer serta mencadangkan agar sektor swasta, institusi pengajian tinggi dan sekolah bekerjasama ke arah matlamat ini. Selain itu beliau menekankan kepentingan memperoleh pengetahuan tentang pembangunan teknologi terkini iaitu komputer (Berita Harian, 5 Oktober 1983). Bagi menyahut saranan Perdana Menteri dan memenuhi kehendak ibu bapa, pada 1980an Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan penggunaan komputer di sekolah, khususnya melalui kelab





komputer. Seperti negara maju, pengaruh kelab komputer telah mula masuk ke sekolah-sekolah di kawasan Bandar (Yusup Hashim, 1998). Pada awal tahun 1980an kelab komputer sekolah telah ditubuhkan secara sukarela.

Selari dengan perkembangan komputer di sekolah, bermula juga perkembangan penerbitan tentang komputer dalam pendidikan dalam akhbar-akhbar utama di Malaysia seperti Berita Harian, News Straits Times dan The Star melalui ruangan khas Berita Teknologi, Computimes dan Computers. Dalam satu program percubaan yang dilancarkan pada tahun 1992 oleh Menteri Pendidikan, 60 buah sekolah telah dilengkapi komputer peribadi sebagai alat pengajaran dan pembelajaran.



Pada 1994, projek berkenaan komputer telah dilaksanakan di 25 buah sekolah rendah. Program literasi ini diperkenalkan untuk memastikan para guru dan pelajar mempunyai pengetahuan umum tentang teknologi maklumat serta memiliki asas untuk menggunakan komputer. Penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan satu pendekatan baru yang telah mula dilaksanakan di beberapa buah sekolah terpilih di Malaysia. Untuk tujuan itu, Kementerian pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Program Komputer Dalam Pendidikan (KDP) di 60 buah sekolah rendah dan menengah sejak tahun 1992. Objektif utama KDP adalah untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan komputer seperti kemahiran mengakses, menilai, dan memilih dan menggunakan maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang dipelajari.





Dalam perancangan projek Sekolah Bestari, empat mata pelajaran untuk semua peringkat iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik dilakukan secara menggunakan komputer multimedia. Bahan pengajaran dan pembelajaran menggabungkan teks dan perisian ini disalurkan melalui rangkaian internet dan dibangunkan supaya dapat membantu pembelajaran mengikut tahap kemahiran dan penguasaan pelajar.

Selaras perkembangan sekolah bestari, kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui teknologi maklumat atau penggunaan komputer turut berubah. Perkara ini ditegaskan oleh Datuk Noor Azmi Ibrahim dalam Huraian Sukatan Pelajaran, Edisi Sekolah Bestari (1998) :



“ Konsep sekolah bestari pada peringkat rendah dan menengah akan melahirkan warga yang kritis, kreatif serta inovatif bagi menghadapi arus globalisasi zaman teknologi maklumat pada abad ke-21. Bagi mencapai matlamat ini, kurikulum edisi sekolah bestari menyepadukan pelbagai kemahiran generik, saintifik dan matematik serta kemahiran menggunakan teknologi yang diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran , sama ada secara langsung atau tidak langsung “

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998 :vii)

Oleh yang demikian salah satu kemahiran yang perlu dimiliki oleh guru ialah kemahiran menggunakan komputer secara berkesan. Seorang guru harus celik komputer jika hendak mengaplikasikan penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran.





Tugas harian guru dalam mengendalikan sebuah kelas adalah untuk menguruskan aktiviti kelas, memberi rangsangan, menyelaraskan pembelajaran, menjadi contoh atau model, dan memberi maklumat kepada pelajar (Jones dan Fortescue, 1987). Sebagai model, guru hendaklah cekap dan mahir menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Malangnya salah satu masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran ialah mereka tidak cekap dalam penggunaan komputer. Aplikasi yang kurang dalam pengajaran dan pembelajaran adalah kerana guru-guru tidak mempunyai kemahiran dan latihan yang cukup hinggalah mereka tiada kesediaan untuk melaksanakan amanah yang telah diberikan. (Norizan Abdul Razak, 1998)



Guru haruslah melengkapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran komputer agar mereka cukup bersedia untuk menggunakan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Dengan kata lain mereka harus mempunyai pengetahuan atau literasi komputer dari segi sejarah, fungsi, implikasi, aplikasi, perisian, perkakasan dan internet. Mereka haruslah mempunyai pengetahuan dan kemahiran sekurang-kurangnya pada peringkat asas dalam mengendalikan perkakasan dan perisian komputer sebelum dapat menghasilkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam bilik darjah.

Selain pengetahuan dan kemahiran komputer, guru harus mempunyai persepsi dan sikap yang positif terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Persepsi yang tinggi terhadap kesesuaian dan keberkesanan penggunaan komputer dalam





pengajaran dan pembelajaran, serta minat yang mendalam, mendorong guru supaya bersikap lebih positif dan bersedia terhadap penggunaan komputer. Sikap positif ini adalah satu ciri yang amat penting yang harus dimiliki bagi menjayakan penggunaan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik.

Tegasnya, kejayaan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada guru selain kemudahan yang disediakan. Pihak guru, jika tidak celik komputer dan tidak mempunyai kemahiran serta pengalaman tentang komputer boleh menghalang proses penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru yang mempunyai sedikit pengalaman atau pengetahuan mengenai komputer mungkin takut akan komputer dan seterusnya boleh mengganggu kelancaran pelaksanaan dasar penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik.



Bagi memastikan kejayaan dasar menggunakan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik, pembudayaan penggunaan komputer di kalangan para guru adalah perlu.

1.2 Pernyataan Masalah

Guru-guru yang mengajar subjek Matematik dan Sains menggunakan Bahasa Inggeris bagi tahun 1, 2, 3, 4, 5 dan 6 di sekolah kini dibekalkan dengan komputer riba oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi kegunaan mereka dalam menjalankan proses





pengajaran. Peralatan ini perlu digunakan secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris. Guru-guru juga dibekalkan modul-modul pengajaran yang sesuai dalam bentuk cakera padat pembelajaran.

Kebanyakan guru-guru mempunyai kemahiran, pengetahuan dan kebolehan yang berbeza dalam aplikasi komputer dan program-programnya. Ada guru yang telah biasa dengan penggunaan komputer dan terdapat yang baru mula mengenali komputer. Bagi guru yang mula mengenali komputer akan menggunakan masa yang agak lama bagi melakukan persediaan peralatan komputer berbanding proses pengajaran yang dirancang.



Penggunaan komputer riba merupakan pengalaman yang baru terhadap mereka dan mereka memerlukan kemahiran bagi melakukan persediaan awal seperti penyambungan kabel ke peralatan-peralatan sokongan yang lain seperti troli dan LCD yang dibekalkan. Guru-guru ini juga diberi tanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan peralatan yang mereka gunakan, malah perlu mahir menggunakan peralatan-peralatan tersebut. Oleh kerana itu mereka perlu diberikan kemahiran tentang penggunaan yang betul, tahu dan faham apa yang perlu dilakukan sekiranya terjadi sesuatu yang tidak dijangkakan semasa menggunakannya. Kebolehan guru semasa menggunakan komputer riba ini akan dapat menjimatkan masa dan memberikan keyakinan kepada mereka dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar. Pelajar pula akan lebih yakin terhadap





pengajaran guru dan memudahkan proses penguasaan pembelajaran mereka. Pengajaran akan dapat dijalankan dengan lancar dan guru-guru dapat mengatur pengajaran seperti yang dirancang bagi mencapai objektif pengajaran ditetapkan. Kesemua pernyataan ini telah mendorong pengkaji untuk mengetahui sejauhmana keadaan sebenar yang dialami oleh guru- guru yang terlibat setelah beberapa tahun dasar berkenaan diperkenalkan.

Kementerian Pelajaran semestinya mengharapkan guru-guru yang terlibat dapat menggunakan peralatan yang dibekalkan secara berkesan dan maksimum, bukan sahaja sebagai penyampai maklumat tetapi juga sebahagian daripada cara berkomunikasi pada masa kini. Kejayaan pelaksanaan penggunaan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada usaha-usaha guru itu sendiri untuk mengintegrasikan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Bagaimana pun terdapat juga beberapa masalah. Menurut Rusdiana Abdul Rahman (1993), terdapat beberapa faktor menyebabkan masalah dalam penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Antaranya,

- i. kurang pendedahan tentang penggunaan komputer sebagai alat bantu mengajar.
- ii. Kesangsian pengguna terhadap keupayaan dan keberkesanan komputer dalam membantu pengajaran dan pembelajaran di sekolah ; dan





- iii. Kurangnya kepakaran dalam penggunaan komputer dalam pendidikan.

Masalah-masalah ini turut dikesan oleh Norizan Abdul Razak dan Saleh-Huddin Abdul Rashid (1997) dalam kajian mereka tentang penggunaan komputer di kalangan guru bahasa mendapati majoriti guru masih takut untuk menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Hanya segelintir sahaja berkebolehan untuk menggunakan komputer dan perisian. Mereka juga mendapati bahawa literasi komputer di kalangan guru bahasa adalah lebih kepada mengetahui tentang komputer dan bukan merupakan kebolehan menggunakan komputer.



Selain itu, masalah kekurangan integrasi penggunaan komputer adalah disebabkan guru kurang jelas peranan dan keberkesanan penggunaan komputer dalam pendidikan.

Didapati bahawa kekurangan integrasi penggunaan komputer dalam kurikulum sekolah adalah disebabkan guru-guru tiada visi yang jelas yang boleh diterima umum tentang peranan teknologi maklumat.

Kesimpulannya, untuk melihat tahap kesediaan guru dan pelajar terhadap penggunaan komputer, dapatlah dikatakan bahawa masih terdapat guru-guru dan pelajar yang masih takut dan bimbang terhadap penggunaan komputer dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, masih terdapat guru yang tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang komputer. Walaupun terdapat antara mereka yang mempunyai pengetahuan tentang komputer, tahap pengetahuan mereka adalah tentang





komputer sahaja dan tidak merupakan kebolehan menggunakan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru sekolah yang melaksanakan dasar pengajaran Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris yang dibekalkan kemudahan komputer riba. Tahap kesediaan ini mencakupi aspek kesesuaian penggunaan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran, keselesaan atau kebimbangan menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran dan kesediaan mempelajari kemahiran komputer. Selain itu, kajian ini juga melihat tahap pengetahuan guru terhadap komputer riba. Adakah mereka bersedia menghadapi sebarang masalah berkaitan komputer atau perisian yang dibekalkan bersamanya.

1.4 Persoalan Kajian

Daripada tujuan kajian yang dinyatakan, persoalan umum kajian bertumpu kepada tiga aspek yang utama iaitu :

- a. Adakah guru-guru bersedia untuk menggunakan komputer riba dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran?





- b. Adakah guru-guru bersedia menghadapi sebarang masalah dalam menggunakan komputer riba dan program-program terdapat padanya?
- c. Adakah penggunaan komputer riba ini dapat membantu guru mempertingkatkan pencapaian pelajaran pelajar?

1.5 Hujah dan Andaian

1.5.1 Guru yang mempunyai kebolehan menggunakan komputer peribadi



berkemungkinan lebih berminat menggunakan komputer riba. sekiranya guru yang telah biasa menggunakan komputer peribadi dalam melaksanakan tugas, mereka tidak akan janggal atau kekok mengendalikan komputer riba malah akan lebih bermotivasi dan akan menggunakannya secara optima.

1.5.2 Kecekapan dan kemahiran dalam mengaplikasikan peralatan dan program komputer sangat penting untuk meningkatkan tahap keyakinan dan keupayaan guru dan ini akan mempengaruhi cara dan gaya guru bekerja. Mereka yang cekap dan mahir tahu apa yang sepatutnya dilakukan mengikut prosedur kerja yang betul dan dapat mengenalpasti langkah-langkah yang sesuai apabila berhadapan dengan masalah yang diluar jangkaan.





1.5.3 Guru yang mendapat latihan dan pendedahan yang secukupnya akan lebih berkeyakinan dan lebih bermotivasi dalam menjalankan tugas. Ini kerana mereka dapat menggunakan pengetahuan serta maklumat yang diperoleh untuk memberi keyakinan dan kefahaman yang lebih kepada pelajar dalam proses pengajaran yang dijalankan.

Lebih cekap guru menggunakan komputer riba lebih berkesan pengajaran yang disampaikan dan akan berupaya meningkatkan prestasi pencapaian pelajar mereka. Ini kerana guru-guru yang cekap tidak akan menghadapi masalah yang boleh mengganggu proses pengajaran mereka dan pengajaran dapat dilakukan secara tersusun dan berkesan.




1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kesediaan guru dalam penggunaan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran. Beberapa pembolehubah iaitu minat, pengalaman dan latihan akan membentuk tahap kesediaan dan keyakinan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan komputer riba. Logiknya, pengalaman menggunakan komputer dan latihan yang sesuai serta mencukupi yang diterima akan mewujudkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Seseorang yang berkemahiran menggunakan komputer akan menjadi pendorong yang kuat kepadanya untuk berminat menggunakan komputer riba kerana mereka tidak merasakan bahawa penggunaan komputer riba sebagai satu perkara baru dan asing.



Seterusnya minat yang kuat dalam penggunaan komputer riba ini disertakan dengan latihan yang sesuai serta mencukupi akan meningkatkan kecekapan seseorang menggunakan komputer riba. Akhirnya, seseorang yang mempunyai, menggunakan komputer riba dan dibantu oleh latihan yang sesuai dan mencukupi berupaya membantu peningkatan prestasi pelajar.

Hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tersebut ditunjukkan dalam kerangka konsep di bawah :



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian



1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Penggunaan Komputer

Penggunaan komputer merupakan satu set tingkahlaku oleh seseorang terhadap sesuatu perkara termasuk sumber-sumber, bahan-bahan dan kemudahan-kemudahan yang direka cipta untuk membantu individu mencapai sesuatu keperluan. Dalam konteks kajian ini ia merujuk penggunaan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai alat serta bahan bantu untuk melaksanakan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.



1.7.2 Literasi Komputer

Literasi komputer ialah istilah yang digunakan untuk menerangkan ilmu bagaimana komputer beroperasi. Ia bermaksud berbagai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk mengendalikan komputer merangkumi pengetahuan tentang ciri-ciri, keupayaan dan aplikasi komputer serta kebolehan melaksanakannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.





1.7.3 Kesiediaan Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Komputer riba

Merujuk kepada sikap positif yang ada pada diri responden terhadap keinginan serta kesanggupan melakukan tindakan dalam melaksanakan dasar pengajaran dan pembelajaran menggunakan komputer riba. Kesiediaan ini merangkumi kesanggupan mengikuti kursus komputer, mendapatkan bantuan pakar komputer untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran.



1.7.4 Keberkesanan Penggunaan Komputer Riba dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Keberkesanan merupakan satu tahap perubahan positif yang berlaku kepada pengajaran dan pembelajaran pelajar setelah menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan boleh diukur melalui persepsi penggunaan terhadap perubahan yang melibatkan minat murid, motivasi, penglibatan dan kefahaman pelajar terhadap pelajaran. Selain itu, perubahan juga melibatkan peningkatan keberkesanan pengajaran guru dan memudahkan tugas-tugas guru.





1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran sejauh manakah tahap penggunaan komputer riba dikalangan guru-guru yang mengajar matapelajaran berkaitan meliputi minat, kecekapan, kemahiran, pengalaman dan harapan mereka terhadap peningkatan prestasi pelajar melalui penggunaannya setelah enam tahun dasar ini diperkenalkan. Dapatan ini diharapkan akan dapat membantu guru-guru yang terlibat, pihak pentadbir dan yang berkenaan mengatasi masalah yang timbul akibat daripada penggunaan komputer riba ini.



Dapatan ini juga boleh menjadi asas kepada pihak pentadbir sekolah untuk mengenalpasti, merancang dan menentukan program-program yang sesuai bagi memperbaiki kelemahan yang mungkin wujud di pihak guru yang menggunakan peralatan tersebut, ataupun masalah teknikal yang wujud semasa mengendalikan peralatan dibekalkan atau melakukan penambahbaikan, terutamanya kepada guru yang mengendalikan komputer riba bagi meningkatkan lagi pencapaian prestasi pelajar.

Program-program yang dirancang seharusnya dapat mengatasi segala masalah yang mungkin wujud di kalangan guru yang menggunakan peralatan komputer riba dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.





1.9 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada bebarapa aspek berikut :

1.9.1 Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru menggunakan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris. Tumpuan kajian ini terhad kepada aspek kesediaan penggunaan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan penggunaan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran, kesediaan menghadapi permasalahan dalam menggunakan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran dan kesediaan mempelajari kemahiran komputer.

1.9.2 Sampel Kajian ini melibatkan 45 orang guru dalam Daerah Sabak Bernam yang terlibat dalam melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris iaitu 10 orang di SK.Seri Utama, 6 orang di SK. Panchang Bedena, 10 orang di SK. Seri Makmur, 8 orang di SK. Dr. Abdul Latif, 4 orang di SK. Bt.38, 3 orang di SK. Sekendi, dan 4 orang di SK.Sg. Limau.

1.9.3 Analisa dan hasil kajian yang diperoleh dalam kajian ini tidak mewakili keseluruhan guru yang dibekalkan dengan komputer riba untuk tujuan yang sama di semua sekolah seluruh Malaysia.

